

Medium Komunikasi *Intrapersonal* dalam Dialog antara Agama Komuniti Saudara Baru

Medium of Intrapersonal Communication in Interfaith Dialogue for Muslim Converts Community

AZARUDIN AWANG, AZMAN CHE MAT DAN WAHAIRI MAHMUD

ABSTRAK

Komunikasi intrapersonal merupakan satu aktiviti yang berlaku secara spontan apabila manusia cuba menganalisa fenomena yang berlaku pada dirinya dan alam sekeliling. Konsep komunikasi intrapersonal bukan hanya terbatas dalam kehidupan sosial seseorang tetapi termasuk perihal yang berkait dalam hubungan antara agama Muslim dan bukan Muslim. Jelasnya, fenomena penukaran agama merupakan satu implikasi yang tidak dapat dipisahkan daripada proses ini. Oleh itu proses komunikasi intrapersonal memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman perkara yang berhubung kait dengan agama Islam kepada komuniti saudara baru. Objektif kajian ini ialah untuk meneliti peranan komunikasi intrapersonal yang berlaku dalam pengalaman saudara baru (ketika belum memeluk agama Islam) dalam memahami agama Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan sampel bertujuan (purposive sampling) dengan merujuk kepada satu kumpulan sebagaimana yang ditentukan kesesuaianya oleh pengkaji. Oleh itu, data diperoleh menggunakan kaedah temu bual ke atas dua puluh orang Saudara Baru di negeri Terengganu. Hasil analisis deskriptif kajian ini menunjukkan komunikasi intrapersonal merupakan satu medium dialog antara agama dan budaya bagi komuniti bukan Muslim memahami dan menghargai agama Islam dengan lebih positif. Justeru, pengamalan nilai-nilai Islam yang baik dalam kehidupan masyarakat Muslim mampu menatijahkan gambaran yang sebenar kepada masyarakat bukan Muslim tentang agama tersebut. Hal ini menunjukkan komunikasi intrapersonal memainkan peranan penting dalam kehidupan beragama khususnya apabila melibatkan hubungan sosial antara dua agama yang berbeza.

Kata kunci: Komunikasi; intra personal; dialog antara agama; budaya; saudara baru

ABSTRACT

Intrapersonal communication is a spontaneous process when by the people thinks how to analyse the phenomena around human being and vicinity. The concept of intrapersonal communication is not limited to social life per se, even includes the advancement inter religious relation between Muslim and non-Muslim. Obviously, the trends seem to indicate that religious conversion is considered to be one of the implications of this process. Thus, the intrapersonal communication process has functioned a significant role in giving the understanding of Islam among Muslim Converts. The objective of this study is to scrutinize at the role of interpersonal communication in the Muslim Converts experience in understanding Islam. The study was conducted through a qualitative method based on purposive sampling which was referred to a group that had sample characteristics as determined by researcher. Thus, the data had been obtained using interview method from twenty Muslim Converts in Terengganu. The descriptive analysis result shows that intrapersonal communication is a medium of interreligious and cultural dialogue whereby the non-Muslim learns how to use effectively the equivalent to being positive and appreciating others in the frame of understanding Islam. Thus, the practice of Islamic values among Muslim communities can give the right to non-Muslim. This shows intrapersonal communication plays an important role in religious life, especially when it involves social relations between two religions.

Keyword: Communication ; intrapersonal ; interreligious dialogue ; culture ; muslim convert

PENDAHULUAN

Perbezaan nilai menjadi salah satu faktor berlakunya streotaip dan prasangka buruk dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai etnik dan agama. Biarpun begitu, perkongsian hidup komuniti bukan Muslim dengan masyarakat Muslim asal menjelaskan satu interpretasi baru terhadap agama tersebut. Interaksi atau dialog antara komuniti yang berbeza agama dan budaya boleh memainkan peranan ke arah perpaduan nasional atas dasar sikap saling menghargai dan menghormati perbezaan budaya hidup orang lain. Justeru, Ahmad Faizuddin dan Jaffary (2016) menyatakan bahawa faktor kemanusiaan berperanan menjadikan dialog sebagai mekanisme mengurangkan jurang ketidakfahaman antara etnik di Malaysia. Apatah lagi pendekatan komunikasi yang digunakan oleh masyarakat Muslim kadang kala menyebabkan banyak perkara tidak difahami dengan baik oleh komuniti bukan Muslim (Mohd Azul et al. 2016). Sebagai contoh perlaksanaan dalam pemakaian ‘hijab’ yang diwajibkan ke atas wanita Muslim seringkali dikontroversikan dan dipersulitkan oleh orang bukan Islam bahkan orang Islam itu sendiri. Menurut Mohd Roslan dan Nurul (2016), kurangnya kefahaman, tiada kefahaman ataupun tersalah faham antara penyebab wanita Muslim yang berhijab dianggap sebagai simbol terroris dan mengancam keselamatan dan keamanan negara mereka. Selanjutnya, Mohd Roslan dan Nurul (2016) menyatakan keadaan ini menimbulkan sikap prejudis, diskriminasi dan ditambah lagi dengan isu “Islamophobia” selepas kejadian 9/11-2001 di Amerika Syarikat sedikit sebanyak menyukarkan kehidupan wanita Islam khususnya di Barat. Sebarang bentuk kebimbangan seumpama ini menjadi benar seandainya individu tersebut kurang mendapat ‘maklumat’ tentang agama Islam, lalu mencetuskan kemungkinan timbulnya pelbagai pandangan yang negatif. Justeru, dialog antara agama harus diinsafi sebagai suatu disiplin yang mencakupi perspektif pembangunan pemikiran manusia yang menuju ke arah masa depan tamadun manusia yang cemerlang. Dialog antara agama boleh diertikan suatu set komunikasi antara dua individu atau komuniti yang berbeza budaya yang menyentuh perihal yang berkait dengan rutin kehidupan seharian, ritual, moraliti, budaya dan kepercayaan. Proses dialog berlaku dalam pelbagai situasi; perbualan yang berterus terang (*frank conversation*) secara spontan, dan perbahasan yang

‘energetic’. Objektif-objektif yang dibentuk cuba menginterpretasikan matlamat yang lebih meluas iaitu menjadi warganegara yang baik, bertoleransi dan sederhana. (Khadijah et al. 2013)

KOMUNIKASI INTRAPERSONAL

Komunikasi intrapersonal adalah satu pengalaman komunikasi internal yang berlaku dalam diri setiap individu. Dalam proses perkembangan ilmu komunikasi, dialog intrapersonal dilihat sebagai satu bentuk interaksi yang sama pentingnya dengan komunikasi lain yang bertindak mempengaruhi manusia. Komunikasi intrapersonal boleh ditakrifkan sebagai aktiviti-aktiviti interaksi bukan formal yang berlaku dalam kehidupan individu malah boleh berlaku apabila seseorang berada bersama orang lain. Dimensi komunikasi intrapersonal ini dapat dibezakan dari segi apa yang berlaku dalam diri manusia, seperti apa yang dirasakan, difikirkan, nilai-nilai yang dipegang, khayalan dan mimpi, reaksi terhadap sesuatu dan sebagainya (Reno 2016). Bagi Ralp (2017), selain dilihat sebagai satu kegiatan berbicara kepada diri sendiri, komunikasi intrapersonal juga merupakan satu aktiviti mengamati dan memberikan makna apa yang berlaku dalam lingkungan kehidupan seseorang individu. Justeru, komunikasi intrapersonal melibatkan pemahaman tentang mesej yang dibawa sama ada ia bersifat pemikiran atau perasaan. Proses pengolahan informasi intrapersonal meliputi sensasi, persepsi, memori, dan berfikir. Kegiatan yang termasuk komunikasi intrapersonal ialah mengolah makna (menafsirkan sesuatu), berfikir dan memahami, memecahkan masalah, evaluasi, mengambil keputusan, mengingat, introspeksi, refleksi, mimpi, khayalan, penyedaran dan perasaan. (Jordi de San Eugenio-Vela, 2014)

Dalam masa yang sama, Aries (2017) membuat perincian aktiviti yang berlaku dalam komunikasi intrapersonal ini. Pertamanya, kebolehupayaan seseorang mencerap informasi yang diperoleh daripada pancaindera (sense); kedua, keupayaan menginterpretasi pengalaman, objek dan informasi (persepsi). Ketiganya ialah memori yang berperanan membentuk kerangka rujukan yang amat mempengaruhi persepsi dan yang keempatnya ialah ‘berfikir’ iaitu bertindak untuk memahami sesuatu realiti dalam rangka memecahkan persoalan, membuat keputusan

dan mencipta sesuatu yang lebih baharu. Ivy (2012) menyenaraikan proses komunikasi intrapersonal iaitu melibatkan seseorang individu itu berfikir, menganalisis mengenai sesuatu perkara, memberikan perhatian, perbuatan memohon sesuatu atau bersyukur kepada tuhan, bersembahyang, merenunggi, mendalam mengenai sesuatu sebelum melakukan apa-apa tindakan, berkhayal, upacara meditasi, monolog dengan diri sendiri, berfikir panjang untuk membuat keputusan dan berosal jawab dengan diri sendiri. Malahan tindakan bercakap dengan kuat ketika membaca, mengulang-ulang apa yang didengar, menyanyi, bersiul, jari mengetuk sesuatu ketika masa lapang sebagai aktiviti dialog intrapersonal (Jordania 2009). Justeru Heni & Huri (2017) menyatakan komunikasi intrapersonal mencakupi proses membayangkan, mengelamun, membuat persepsi dan memecahkan persoalan secara kritis. Untuk itu, pelaku yang terlibat dalam komunikasi intrapersonal seringkali mempelajari peranan kognitif dalam perilaku manusia.

Di dalam al-Quran banyak sekali ayat-ayat yang memaparkan komunikasi intrapersonal khususnya melalui peranan kognitif (akal) dalam mencari hakikat kebenaran. Al-Quran menyebut sebanyak 18 kali perkataan *al-fikr* dengan satu ayat kalimah *fakkara*, *tatafakkaru* satu ayat, *tatafakkarun* tiga ayat, *yatafakkaru* dua ayat, dan didatangkan kalimah *yatafakkarun* dengan sebelas ayat. Berkait dengan ini al-Qaradawi (1996) menyatakan “terma *fikr*” digunakan untuk maksud dan objek pemikiran yang bersifat abstrak. Ia adalah usaha menemukan dan mengenal sesuatu perkara bagi mengetahui hakikatnya yang sebenar. Sebagai contoh pada firman Allah yang mengajak agar manusia memikirkan perihal alam (lihat surah al-Ghasiyah 88: 17-20) yang bermaksud:

Maka apakah mereka [tidak memperhatikan] unta bagaimana Dia diciptakan, dan langit, bagaimana ia ditinggikan? dan gunung-gunung bagaimana ia ditegakkan? dan bumi bagaimana ia dihamparkan?”

Selanjutnya Allah berfirman pada surah al-Fajr (89: 15-16) yang bermaksud:

“Adapun manusia apabila Tuhananya mengujinya lalu Dia dimuliakan-Nya dan diberi-Nya kesenangan, Maka Dia akan berkata: “Tuhanku telah memuliakanku”. Adapun bila Tuhananya mengujinya lalu membatasi rezekinya Maka Dia berkata: “Tuhanku menghinakanku.”

Berpandukan kepada kedua-dua ayat di atas, dapat dinyatakan bahawa komunikasi intrapersonal mempunyai peranan yang penting dalam mengisi citra kehidupan beragama seseorang. Keperluan pembangunan kepada nilai agama dilantunkan melalui proses berpikir dengan menggunakan persepsi terhadap tingkahlaku yang berlaku disekeliling. Persepsi dalam ertikata luasnya ialah gambaran, fikiran, membuat kesimpulan, tanggapan tentang sesuatu yang diperolehi daripada sesuatu peristiwa (Kamus Dewan 2010). Seperti kata Ibnu Kathir (1981), seseorang membuat persepsi yang padu dengan anggapan rezeki dan kenikmatan yang diberikan oleh Allah kepadanya merupakan satu penghormatan kepada dirinya. *World view* sebegini selanjutnya mengarahkan anggapan bahawa Allah tidak menghukumnya sekiranya melakukan keingkaran agama. Sebaliknya, sekiranya dia disempitkan rezeki, maka ia beranggapan bahawa hal ini merupakan penghinaan Allah kepadanya. Ayat di atas sebenarnya menjelaskan komunikasi intrapersonal berasaskan spekulasi atau andaian. Kedua-dua bentuk persepsi tersebut menerangkan prasangka yang salah kerana pemberian nikmat terhadap seseorang di dunia pada hakikatnya tidak menunjukkan bahawa ia berhak sepenuhnya atas hal itu.

Kisah yang lain ialah kisah ini memaparkan monolog nabi Ibrahim dalam mencari kebenaran tentang “Tuhan”. Apabila nabi Ibrahim meyaksikan bulan purnama di tengah malam, anggapannya itulah Tuhan, namun hipotesisnya sama sekali tidak tepat kerana bulan itu tidak kelihatan. Selanjutnya beliau mengemukakan hipotesis yang baru dengan menyatakan matahari adalah tuhan apabila melihat matahari yang terbit dan keadaannya lebih besar daripada bintang. Sekali lagi hipotesis yang dikemukakannya tidak layak apabila matahari itu terbenam dan hilang. Akhirnya, nabi Ibrahim mengemukakan satu hipotesis yang konkret bahawa Tuhan yang sebenar ialah Zat yang mencipta bulan, bintang, matahari dan segalanya.(Ibnu Kathir 1981). Kisah ini dirakamkan di dalam surah al-An’ām ayat 74-79. Hal ini menunjukkan komunikasi interpersonal dalam Islam berasaskan saintifik yang memerlukan bukti-bukti yang konkret. Dalam proses pelaksanaan dialog antara agama, maklumat komunikasi merupakan *input* yang diproses bagi menghasilkan *output* yakni persepsi terhadap fenomena kehidupan beragama. Pengalaman komunikasi sama ada melalui intrapersonal atau interpersonal mengembangkan potensi individu untuk menyingkap apa yang sebenarnya berlaku.

KONSEP DIALOG ANTARA AGAMA DAN BUDAYA

Dialog antara agama dan budaya merupakan satu proses pertukaran maklumat yang melibatkan dua individu atau komuniti. Selalunya satu-satu komuniti itu memperoleh informasi baru sehingga maklumat yang diperolehi mampu menjelaskan salah faham, prejudis dan prasangka tentang budaya dan kepercayaan seseorang. Ahli-ahli siosologi melihat dialog antara agama dan budaya sebagai satu proses dalam mana sempadan peserta dialog diperturunkan dalam situasi pertembungan. Bagi komuniti Muslim, dialog antara agama sama ada dilaksanakan secara formal atau sebaliknya dapat memanifestasikan kebenaran dan imej sebenar apa yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat tersebut. Dengan demikian, dialog antara agama berperanan sebagai medium dakwah bagi setiap Muslim menceritakan kebaikan tentang agamanya kepada masyarakat bukan Islam. (Azarudin & Khadijah 2017). Dari perspektif Islam, dialog antara agama merupakan persoalan yang berkaitan aplikasi dan tanggungjawab untuk melaksanakannya secara *istiqāmah* dan komited. Banyak sekali al-Quran mengetengahkan ayat-ayat yang mengajak Muslim agar menyantuni komuniti bukan Muslim. Pada firman Allah dalam surah-al-Māidah (5: 8) yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juar) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertaqwah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Berdasarkan ayat di atas, beberapa prinsip yang menjadi teras hubungan Muslim dan bukan Muslim boleh disimpulkan. Antaranya:

1. Sebarang bentuk paksaan, kekerasan dan penindasan tidak dibenarkan dalam hubungan antara agama
2. Kebebasan kepada bukan Muslim perlu diberikan dalam mengamalkan urusan agama mereka.
3. Setiap manusia diberi kebebasan untuk berfikir dan memilih.

Firman Allah sūrah al-Nahl (16: 125) menjelaskan tentang hubungan Muslim dan bukan Muslim wajar dilaksanakan. Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah (berdialog) dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah.

Ayat di atas merupakan perintah Allah kepada setiap Muslim agar menjalinkan hubungan yang baik dengan komuniti bukan Muslim. Salah satu kaedah bentuk hubungan ini ialah pelaksanaan dialog antara agama dan budaya (Khadijah 2008). Berdasarkan kepada ayat di atas beberapa metodologi boleh diketengahkan, iaitu berhikmah, bertujuan menyampai kebaikan melalui nasihat dan tidak melampaui batas. Ibrahim et al. (1989) menyatakan ‘hikmah’ ialah sedikit komunikasi tetapi memberi makna yang mendalam (الكلام الذي يقل لفظه ويجل معناه). Menurut Syed Qutb (1978), perkataan hikmah bermaksud *input* dalam komunikasi perlulah melihat kepada suasana, tidak menyulitkan dan memberatkan dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang sukar untuk dilaksanakan. Mohamad Zaidi et al. (2007) melihat antara suasana atau keadaan yang perlu diperhatikan ialah mengetahui latar belakang dan keadaan sasaran. Apabila dihubungkan dialog antara agama secara berhikmah, bermakna peserta dialog perlu mengetahui latar belakang sasaran, mampu menerangkan sesuatu dengan baik, ucapan yang tidak *rigid*, tidak membebankan penerima dan tidak mendalam. Tujuannya ialah memudahkan peserta yang terlibat dalam dialog agar memahami kebenaran tentang agama tanpa sebarang prejudis dan tekanan.


Berdasarkan surah al-Nahl (16: 125) tersebut juga, dialog antara agama wajar disampaikan bertujuan sebagai satu nasihat (*al-maw'izah*) sama ada melalui perkataan atau perbuatan yang baik. Justeru, usaha untuk meyakinkan pihak lain yang berupa anjuran, ajakan, pemberian mestilah bersifat benar, rasional dan tidak bermaksud untuk merendahkan pendapat atau pandangannya (Ibnu Kathir 1981).

Dengan demikian, komunikasi yang dilakukan dengan cara lemah lembut mampu membuka ruang seseorang untuk memahami semula kepercayaan

dan pemikiran orang lain yakni melalui proses komunikasi intrapersonal. Dalam *Tafsir Fī Zilāl al-Qurān*, *al-maw'izah* dinyatakan sebagai memberi nasihat, perhatian yang teliti perlu diberikan dalam mempelbagaikan bicara dan penyampaian agar sesuai dengan suasana (Syed Qutb 1978). Mohd Zaidi et al. (2007), menjelaskan bahawa *al-maw'izah* bermaksud memberi peringatan atau nasihat terhadap perbuatan yang tidak elok dengan menggunakan gaya bahasa yang boleh diterima agar nasihat yang baik mampu menarik hati pendengar. Al-Razi (t.t) menyatakan *al-maw'izah* ialah komunikasi yang jujur dan tepat sasaran, lemah-lembut, memuliakan pihak lain, tidak menyakitkan pihak lain, tepat sasaran dan logik, memiliki kesesuaian antara yang diucapkan dengan apa yang ada di dalam hatinya. Melalui gaya percakapan atau tulisan yang baik, teratur

dan memberi makna mendalam, ucapan tersebut mampu menyentuh perasaan orang lain.

Selanjutnya, metodologi *bermujadallah* atau berbahas. Ibnu Kathīr (1981) menjelaskan *mujadallah* ialah komunikasi dengan caraberbantahan dengan kaedah yang terbaik apabila berlaku perdebatan. Manakala al-Marāghī (1973) pula menyatakan *mujādalah* sebagai komunikasi atau percakapan untuk bertukar fikiran yang akhirnya menimbulkan rasa puas hati terhadap hujah yang diberikan. Bagi mengelakkan sebarang bentuk persengketaan, prasangka, taksub dan tegang, *mujādalah* perlu dilaksanakan dalam suasana tenang. Hal ini bermakna, setiap peserta dialog perlu memiliki maklumat yang kukuh tentang agama, budaya dan latar belakang rakan dialog. Selain itu peserta dialog juga perludaya tahan untuk menerima hujah dari pihak lawan.



RAJAH 1. Implikasi Dialog Antara Agama dan Budaya

Berdasarkan kepada Rajah 1 dapat dinyatakan bahawa matlamat dialog antara agama ialah untuk kenal mengenal antara satu sama lain, menghapuskan prejudis, taksub, mengetahui lebih mendalam perihal agama orang lain, menghargai perbezaan dan persamaan yang wujud dalam kehidupan beragama. Arah aliran perkembangan penukaran agama komuniti ini memperlihatkan terlalu besar pengaruh komunikasi intrapersonal ke atas diri mereka. Implikasi komunikasi intrapersonal boleh dikaji bagi melihat sejauhmana peranannya dalam hubungan antara agama. Justeru artikel ini akan melihat pengalaman komunikasi intrapersonal

yang berlaku dalam kehidupan komuniti Saudara Baru ketika mereka masih belum menjadi Muslim. Saudara baharu merupakan kelompok yang melakukan penukaran agama Islam dikenali sebagai muallaf, saudara kita atau saudara Muslim (Ab. Rahman et al. 2016). Lotta (2017) menyatakan bahawa pertemuan dan pergaulan dengan rakan Muslim merangsang bukan Muslim untuk memeluk Islam. Lazimnya mereka tertarik dengan budaya hidup komuniti Melayu yang sarat dengan elemen saling bantu-membantu melalui amalan gotong royong, bersikap harmoni, semangat persaudaraan Islam yang kuat, bekerjasama dalam kenduri-

kendara dan sebagainya (Azarudin & Khadijah 2017). Justeru, teori sosiologi yang dinyatakan di atas menjelaskan bahawa proses komunikasi yang berlaku antara masyarakat Muslim dan komuniti bukan Muslim menyumbang kepada faktor pemelukan agama Islam. Diharapkan, hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti badan dakwah dan NGO Saudara Baru mengambil prakarsa dengan melaksanakan program-program pembinaan dan pengukuhan hubungan yang merentasi agama dan budaya. Dalam kata lain, dialog antara agama dan budaya melalui program silang budaya mampu memberi gambaran sebenar cara hidup, budaya dan agama masyarakat lain secara jujur.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual ke atas 20 orang Saudara baru yang terlibat dalam kelas pengajian di Kompleks Darul Hidayah (di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu). Melalui kaedah temu bual, pengkaji memperolehi maklumat luar jangka seperti respons dan tingkah laku responden. Justeru, Mokhtar (2011) menyatakan kajian sebegini boleh menerangkan status terkini tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Responden merupakan ‘saudara baru’ yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Bagi tujuan analisis dan menjaga kerahsiaan responden, kod resp#1 hingga resp#20 digunakan sebagai ganti nama peserta kajian. Peserta kajian merupakan kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik, dengan demikian kaedah kualitatif pensampelan bertujuan digunakan kerana ia yang merujuk kepada ciri-ciri sampel yang sama.

Bagi mewujudkan suasana perkongsian pengalaman antara pengkaji dan responden, temu bual dilakukan secara separa berstruktur tetapi berfokus. Soalan-soalan dibina berdasarkan tema yang telah dikenal pasti dan senarai soalan ini menjadi panduan kepada pengkaji ketika proses temu bual dilaksanakan. Kajian kes yang membentuk kualitatif dengan saiz sampel yang kecil ($n=20$) ini bukan bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil daptatan kajian kepada mana-mana populasi. Bagi memantapkan proses pembinaan soalan, kajian rintis telah dilakukan ke atas 5 orang saudara baru keturunan Cina bermula Februari 2014 hingga Mac 2014. Manakala temu bual yang sebenar dilakukan

bermula pada Oktober 2014 hingga Disember 2014 dan lokasi temu bual ditentukan sendiri oleh peserta kajian mengikut keselesaan. Dalam masa yang sama, pengkaji telah memperolehi surat kebenaran daripada pihak Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk melaksanakan sesi temu bual tersebut.

HASIL DAPATAN

Pertukaran agama merupakan satu keputusan yang didasarkan kepada satu ukuran yang unggul (Osman & Abdul Salam 2008). Selanjutnya Osman dan Abdul Salam (2008) menyatakan bahawa dalam konteks ‘setting’ kepercayaan yang baharu ini, peranan komuniti setempat membentuk perspektif ke arah menonjolkan nilai-nilai yang tinggi dan terpuji. Di Malaysia, Pergaulan dengan rakan yang Muslim menjadi salah satu faktor komuniti ini melakukan pertukaran agama. Apa yang nyata, pergaulan dengan rakan Muslim telah mendedahkan nilai-nilai agama Islam yang sebelumnya dilihat sebagai kabur dan tidak luhur (Azarudin & Khadijah 2014). Keadaan ketidakseimbangan ini meyebabkan individu bukan Muslim dilandai perasaan ingin tahu (*curiosity*), meneroka dan mencungkil nilai-nilai agama tersebut. Hubungan sosial sebegini menjadi aspek penting komuniti bukan Muslim memahami dan membina semula kepercayaan dan amalan agama pada yang lebidi dalam. Abd Hadi et al. (2016) menyatakan bahawa faktor-faktor persekitaran dan sosial ini berperanan dalam membantu penyebaran agama melalui kunjungan ziarah, pemberian hadiah dan meraikan aktiviti masyarakat tersebut. Justeru, faktor sosial lazimnya meliputi hubungan antara keluarga, rakan dan masyarakat di sekeliling. Dengan perkataan lain, dialog antara agama Muslim dan bukan Muslim menegaskan komunikasi intrapersonal sangat bermanfaat dalam membina keyakinan beragama. Kajian ini mendapati bahawa setiap responden mempunyai alasan dan penilaian tersendiri dalam menyingkap sesuatu fenomena yang berlaku dalam kehidupan beragama. Biarpun begitu, kajian ini hanya menumpukan pengalaman fenomena dialog antara agama dan budaya yang berlaku dalam kalangan Saudara Baru Cina di negeri Terengganu. Dalam pelaksanaannya, pelbagai unsur komunikasi intrapersonal diserlahkan. Pendek kata, apa sahaja rutin yang berkaitan dengan aspek hubungan seharian seperti pergaulan, makan minum,

berkunjung dan ziarah, pengalaman tinggal bersama dan meraikan kebudayaan masyarakat lain adalah merupakan bentuk-bentuk dialog antara agama yang berlaku. Unsur-unsur komunikasi intrapersonal komuniti Saudara Baru boleh diperhatikan daripada pengalaman seperti berikut.

DAYA USAHA TANPA DISEDARI

Komunikasi intrapersonal dilihat satu daya usaha tanpa disedari (*unconsciousnessly*) yang tujuannya untuk meredakan stigma yang difikirkan. Pengalaman memerhatikan rutin kehidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam menyebabkan ‘timbul persoalan’ dalam kalangan responden bagi mengetahui dengan lebih mendalam perihal sesuatu perkara. Larangan dan pantang larang agama (*taboo*) merupakan sesuatu yang abstrak. Bagi responden, hal ini menjadi petunjuk yang unggul yang memberi panduan untuk menjadi seorang Muslim. Misalnya, larangan mendedahkan aurat memberi dorongan kepada tindakan berpakaian secara munasabah ketika Muslim berkomunikasi dengan rakan yang bukan mahram. Justeru, rasional dibangunkan kenapa setiap pakaian wanita Muslim harus ditutup aurat. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:-

Oleh kerana kita terdedah dengan budaya orang Melayu, bila kita tengok tentang agama Islam tu, [kita banyak nak tahu, kenapa macam ni]... keluarga saya agak liberal,tetapi bila bab Islam..dia orang tak boleh nak terima sebab Islam banyak pantang larang dalam pakaian, makan-minum dan sebagainya. (Resp # 02-Hokkien).

MEMAHAMI TINGKAH LAKU RAKAN DIALOG

Matlamat kehidupan beragama ialah mencari ketenangan. Setiap individu pastinya menghadapi melalui tekanan jiwa dan perasaan yang mendalam. Keadaan jiwa yang abstrak dapat dimanifestasikan melalui tindakan dan tingkah laku. Dengan demikian, komunikasi intrapersonal responden bertujuan mengungkap tingkah laku yang berlaku dalam masyarakat Muslim. (Resp # 06-Hokkien) merupakan seorang pendokong agama Buddha yang komited misalnya berfikir sejenak tentang ayah angkatnya yang sentiasa berada dalam ketenangan. Baginya, fenomena yang berlaku dalam agama Islam itu mencorakkan pengaruh terhadap kehidupan ayah angkatnya yang bukan

kecil sifatnya. Matlamat memperoleh ketenangan bagi responden tidak diperolehi sebagaimana sepatutnya. Pengalaman ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Jadi apabila saya tengok ayah angkat saya, Hj Yusof tuu...sebelum itu saya tanya dia, tok ayah (gelaran) nampak tenang, begitu begini.. saya tanya..apa rahsia-rahsianya? Dia kata: kita orang Islam mengamalkan ajaran Islam jadi inilah... jadi saya nak bagi tau awak, nak ajar awak susah jugak ...sebab awak bukan orang Islam...[saya mengelamun sekejap](Resp # 06-Hokkien).

PENGAMATAN TERHADAP NILAI-NILAI KEAGAMAAN DALAM KEHIDUPAN

Komunikasi bukan hanya melibat aspek lisan malah ia melibatkan perasaan. Tempoh tinggal bersama mendedahkan responden kepada unsur-unsur tradisi dan peradaban rakan Muslim yang pelbagai. Ada keperluan yang besar bagi responden mengetahui fenomena yang berlaku dalam kehidupan rakan Muslimnya, bertujuan memperolehi jawapan yang sebenar, terutama melihat apakah korelasi nilai positif dengan praktis agama tersebut. Ujaran responden ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Pengaruh daripada kawan dan persekitaran, dulu saya duduk kat asrama kan, masa belajar dulu, jadi dekat asrama kebanyakannya kawan-kawan berbangsa Melayu.. [jadi saya tengok dari situ akhlak mereka tu baik, tutup aurat.. saya sukalah sebab Islam ni kan dia jagakan, saya fikir dan tengok cara sembahyang] (Resp # 18-Hokkien).

Aktiviti pengamatan dan memberi kesan yang mendalam juga ditonjolkan dalam dialog antara agama dinyatakan sebagaimana berikut:

“Bila saya pergi ke rumah kawan saya...dia sedang mengaji..saya tunggu dekat luar...[saya cakap dalam hati apa yang di baca saya dengar seronok dengar]” Resp # 17-Hokkien).

MEMIKIRKAN DAN MEMBANDINGKAN SECARA MENDALAM AJARAN AGAMA

Aspek-aspek perbezaan di dalam agama khususnya perihal yang berkait dengan ketuhanan diperhatikan secara tepat kerana ia merupakan tunjangan kepada sesuatu anutan. Hal ini menjelaskan pemerhatian secara komprehensif terhadap intipati agama ini dalam kalangan peserta dialog menggalakkan pelbagai bentuk komunikasi intrapersonal yang

aktif. Tujuannya ialah memecahkan kebuntuan hakikat yang berlaku dalam dua keadaan yang berbeza. Proses ini kadang kala mengambil keputusan yang sangat lama bagi mendapat satu resolusi yang mantap dan konkret. Perkara ini dinyatakan sebagai berikut:

Saya buat perbandingan antara Buddha dengan Islam, buat perbandingan sendiri sajalah, bila kita fikir bab Tuhan macam mana tuu, jadikan hujan, matahari, malam, bumi sedangkan bangsa kita pada masa tu Tuhan matahari lain, Tuhan air lain, Tuhan rezeki lain ... jadi saya tanya nenek, dia tak boleh jawab ..saya kena marahlah...pandai-pandai sangat lah tanya. [Jadi kita fikir- fikir lama.. cukup kita fikir bertahun-tahun jugak lah]... mungkin saya dapat hidayah daripada Allah Taala saya lari dari rumah ... (Resp # 09-Kantonis).

Membandingkan amalan agama merupakan proses yang kompleks yang boleh merangsangkan perasaan dan kognitif responden. Proses ini diamati dengan luas dan mendalam, dikaitkan dengan matlamat kehidupan sebenar, dan kadang kala responden bertafakkur bagi memperolehi jawapan yang terbaik. Hal ini dijelaskan sebagaimana berikut:

"dari segi amalan dia ada doa jugak, sembahyang pun dia ada sembahyang, dari segi ketuhananlah macam kalau kita buat baik kita boleh jadi sami buat baik-buat baik dia jadi tuhan akhir sekali.. [hak jadi tuhan tuu saya pun fikir.. jadi tuhan banyaknya ..ooo macam mana? macam mana boleh jadi gitu?]. orang Cina ada sembah tuhan tanah. Tuhan air, tuhan langit, tuhan gua macam-macam. Masa saya dalam Buddha saya adalah ustazah, saya mengajar budak seminggu sekali tentang Buddha, sirah Buddha, saya ajar meditasi, saya jadi ketua untuk sembah patung-patung..orang lain akan ikut belaka..lepas tuu"(Resp # 07-Hokkien).

MEMBUKA RUANG UNTUK MENEROKA NILAI AGAMA

Boleh dikatakan bahawa komunikasi dianggap sebagai akar umbi kepada segala perbincangan "*foundation for all discourse*". Manakala tujuan dialog antara agama dan budaya bukanlah mencari siapa yang menang tetapi bertujuan untuk membuka kebenaran. Begitu juga pengalaman berhujah dengan rakan sepermainan Muslim telah

membina kepada aspek-aspek intrapersonal. Hal ini menunjukkan bahawa dialog antara agama amat membantu proses pertumbuhan komunikasi intrapersonal. Penukaran agama yang berlaku bukan sahaja disebabkan untuk memenuhi keyakinan diri, bahkan disebabkan tekanan yang wujud dan rasa tidak puas hati terhadap kepercayaan asal yang selanjutnya seseorang itu mengambil keputusan untuk meninggalkan agama tersebut dan cuba mencari agama yang lebih mudah difahami dan diikuti. Pengalaman berhujah dengan rakan Muslim menggalakkan penerokaan responden terhadap nilai-nilai keagamaan orang lain. Ujarannya adalah sebagaimana berikut:

Maklumat tentang agama Islam biasa saya dengar rakan Muslim bercakap tentang Islam contohnya berkait tentang ketuhanan, masa tu saya tidak percayalah. Saya memang suka bertanya dan suka bertengking (berdialog), walaupun betul saya tak mengaku saya ni salah.. Contohnya dia kata kita kena percaya pada Tuhan, tuhan ni ada, kalau betul tuhan ni ada di mana? 'Kamu bukannya percaya..kamu sembah tokong kayu', saya jawap balik 'aku sembah tokong kayu pasal ada bukti ..kamu sembah dinding tu pasal apa..mana tuhanmu?'. Lepas pada itu saya duduk termenung (berfikir)(Resp # 10-Hokkien).

MENCIPTA PERSEPSI BAHARU

Media massa merupakan alat penyampaian maklumat yang mampu membentuk persepsi dan tanggapan seseorang terhadap sesuatu maklumat atau mesej. Di Malaysia, surat khabar, majalah, televisyen, radio, komputer, radio, telefon dan teknologi maklumat merupakan bentuk-bentuk penyampaian maklumat yang lazim digunakan (Nur Nasliza & Jamilah 2015). Justeru, media massa juga merupakan medium yang berkesan menyampaikan informasi tentang agama Islam. Saluran informasi Islam, responden dihadapkan dengan kisah-kisah yang berlaku dalam masyarakat Muslim, amalan rutin, sehingga menyentuh perasaan dan pemikiran. Segala-galanya itu pula menimbulkan rangkaian pelbagai bentuk persoalanke atas pemikiran mereka. Semakin kerap siaran itu di ulang-ulang, semakin keraplah bentuk-bentuk intraktif personal berlaku. Membaca artikel yang berkaitan agama Islam, menonton drama masyarakat Muslim dan apa juar siaran Islam merupakan aktiviti yang dilakukan oleh (Resp #

14-Hailam). Hafidz Muhdhori (2017) menyatakan pada tahap ini, agama baharu telah mempengaruhi jiwa seseorang individu kerana kemungkinan adanya konflik, krisis, perasaan berdosa yang dialami dan musibah melanda. Selanjutnya, keadaan ini menimbulkan rasa tekanan dan konflik dalam jiwanya sehingga timbul rasa gelisah, putus asa, panik, bimbang dan ragu. Ini menyebabkan seseorang menjadi lebih sensitif yang akhirnya mendorong dirinya melakukan pemilihan terhadap kepercayaan baru bagi memenuhi konflik batinnya. Justeru, bagi merungkai segala bentuk persoalan, responden bertanya kepada rakan-rakan Muslim. Kefahaman terhadap fenomena beragama tidak tercapai jika hanya bergantung kepada komunikasi intrapersonal sahaja melainkan melalui komunikasi yang diintegrasikan. Hal ini menunjukkan matlamat dialog antara agama tercapai dengan mengambil kira segala bentuk komunikasi. Pengalaman ini selanjutnya dinyatakan sebagaimana berikut:

Bila saya dengar azan saya berfikir[kenapa dia macam ni, kenapa ada iqamat pulak]. Kalau baca majalah saya tengok kolumn orang masuk Islam ..saya bertanya pada diri sendiri; saya ni akan jadi orang Islamkah? (Resp # 14-Hailam).

Biarpun begitu kadang kala, dialog antara agama dilakukan amat berhati-hati mengambil kira kemungkinan sebarang tekanan dan tindakan daripada keluarga. Responden membayangkan bahawa beliau akan dipukul oleh ayahnya seandainya pergi ke rumah rakan Muslimnya. Persepsi ini dinyatakan sebagaimana transkrip berikut:

“saya biasa tengok cerita-cerita Islam dalam TV, saya memang suka cerita Melayu, ada hal orang bang (azan), hal al-Quran, tapi kalau ayah saya ada jangan buka..[mungkin saya akan dipukul atau mak saya akan jadi mangsa]” (Resp # 08-Hokkien)

BERIMAGINASI DENGAN GAYA HIDUP MUSLIM

Yeni Maulina (2017) menyatakan bahawa budaya merupakan satu cara hidup (*the way of life*) berkembang dan merupakan hak milik bersama yang diwarisi. Dalam kehidupan masyarakat Melayu, budaya bersifat kompleks, abstrak, menyeluruh dan diikat oleh nilai-nilai keagamaan yang sadis. Justeru, nilai keagamaan ini tersebar dan meliputi banyak kegiatan sosio-budaya masyarakat Melayu. Ada banyak lapangan budaya

Melayu yang menonjolkan nilai-nilai keagamaan misalnya berasaskan bahasa, pemakaian, pemakanan kesenian dan sebagainya. Nilai-nilai budaya masyarakat Melayu yang dilontarkan dalam masyarakat bukan Muslim tersebar dengan meluas kerana faktor pergaulan. Hasil kajian menunjukkan responden berimajinasi seandai dirinya memakai baju kurung dengan bertudung. Dialog ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Saya suka tengok orang Melayu pakai baju kurung dengan bertudung bila saya tengok saya sangat sopan, saya berfikir...[kalau saya pakai macam ni apa akan jadi]" (Resp # 15-Foochow).

MELANJUTKAN KAJIAN AGAMA KESAN DARIPADA MIMPI

Aspek ‘mimpi’ juga merupakan komunikasi intrapersonal. Bagi (Resp # 07-Hokkien), mimpi menjadikannya lebih aktif dan agresif untuk mengetahui mesej yang disampaikan dengan lebih mendalam. Aspek-aspek mimpi biasanya mengandungi fenomena yang berkait rapat dengan fenomena yang berlaku masyarakat Melayu Muslim seperti berjumpa dan berdialog dengan orang tua yang berjanggut putih serta memakai jubah putih. Pengalaman mimpi membentuk satu persepsi baharu terhadap perihal yang berkait agama Islam dan melanjutkan proses analisis seluruh aspek kehidupan masyarakat Muslim, kadang kala telah menjadi petunjuk kepada responden untuk memeluk agama Islam. Namun begitu, (Resp # 07-Hokkien) mengambil tempoh selama 6 tahun untuk mengkaji kebenaran agama Islam dan Buddha. Pengalaman mimpi mewujudkan apa yang disebut “pembinaan keyakinan agama” yang menyebabkan responden bersikap lebih terbuka dalam mengkaji agama tersebut. Pengalaman mimpi ini dinyatakan sebagaimana berikut:

“[Saya bermimpi saya tidur di tepi sungai, sungai tu berwarna putih, masa tu memang saya tidak percaya], mana ada sungai warna putih, biasanya sungai airnya memang jernih.. bawah pokok lepas itu marilah orang tua bawa tongkat pakai jubah putih, dia suruh saya mengucap.” (Resp # 07-Hokkien)

Pengalaman dialog antara agama sebelum pemelukan agama Islam memperlihatkan peranan komunikasi intrapersonal menjadi mekanisme untuk mengenal agama ini dalam bentuk yang

pelbagai. Mengambil kira hidayah adalah milik Allah, penglibatan komuniti bukan Muslim dalam dialog antara agama dan budaya sekurangnya dapat memberi imej sebenarnya tentang sebarang bentuk streotaip negatif dalam beragama. Selain mampu melenyapkan salah faham masyarakat bukan Muslim terhadap masyarakat Muslim, melalui pendekatan dialog antara agama yang baik sesama manusia, Islam mampu dilihatkan sebagai agama yang memberi kebaikan kepada sekalian makhluk. Oleh yang demikian, salah faham dan permasalahan yang bersifat mendasar mampu diselesaikan melalui pendekatan bermuamalah melalui dialog antara agama dan budaya secara bijaksana, *mau'izah* dan dalam keadaan tertentu mampu *bermujādalah* dengan cara yang baik. Keragaman umat manusia dalam berbudaya, kehidupan beragama dan pemikiran merupakan kehendak Allah yang tidak mungkin boleh disamakan. Bagi mencari penyelesaian keamanan yang mapan, berkekalan dan padu, setiap pendialog Muslim perlu menyahut pelaksanaan dialog sebagaimana yang dinyatakan oleh firman Allah dalam sūrah al-Nahl ayat 125 pada setiap waktu.

KESIMPULAN

Dalam memahami agama Islam, peranan komunikasi intrapersonal yang berlaku dalam kehidupan komuniti saudara baru menjelaskan bahawa bentuk komunikasi tersebut merupakan satu manifestasi dialog antara agama yang berlaku tanpa disedari. Dengan demikian, komunikasi intrapersonal dilihat menjadi medium bagi saudara baru memahami tingkah laku rakan Muslim khususnya, apabila tingkah laku tersebut berhubungkait dengan nilai agama. Melalui komunikasi intrapersonal, saudara baru cuba mengamati fenomena kehidupan beragama, meneroka unsur-unsur abstrak yang wujud dalam agama, mencipta persepsi yang baru dalam agama malah berimajinasi menjadi seperti seorang Muslim. Justeru, peranan komunikasi intrapersonal sebelum Islam cukup signifikan kepada komuniti saudara baru dalam memahami agama Islam dan selanjutnya memilih agama tersebut sebagai satu alternatif yang terbaik dan lebih bermakna bagi dirinya.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/DANA/ 5/3/ARAS (0110/2016) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A., Irwan, M. S., Mahazan, A. M., Nuradli Ridzwan Shah, M. D., Ibrahim, R. I., & Ismail, N. 2016. Persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research* 6: 2-15.
- Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Akramin Kamaruzaman. 2016. Metod dakwah dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Sabah. *Al-Hikmah* 8(2): 60-80.
- Ahmad Faizuddin Ramli dan Jaffary Awang. 2016. Dialog antara agama menurut perspektif Islam. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3(2): 22-34.
- Ahmad Mustafa Al-Marāghī. 1973. *Tafsir Al-Marāghī*. t.t: Dar Al-Fikr.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Din.t.t. *al-Tafsir al-Fakhru Al-Rāzī Al Masyhur Bil Tafsir Al-Kabīr Wa Mafātih Al-Ghari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Aries Mahadika Pradipta. 2017. Persepsi Mahasiswa Mengenai Citra Yang Dibangun Awkarin Di UNPAS. Tesis Phd Universitas Pasundan.
- Azarudin Awang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2014. Dorongan pemelukan agama Islam komuniti minoriti di sebuah negeri majoriti Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilization* 2 (3): 3-12.
- Azarudin Awang, & Khadijah Mohd Hambali. 2017. Apresiasi dialog kehidupan berhikmah komuniti Cina Muslim di Terengganu. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities* 24(1):15-25
- Hafidz Muhdhori. 2017. Treatmen dan kondisi psikologis muallaf. *JURNAL EDUKASI: Jurnal Bimbingan Kaunseling* 3(1): 16-39.

- Hanson, R. E. 2017. *Mass Communication. Living in a Media Wolrld*. Sage Publication: California.
- Heni Wijayanti dan Huri Suhendri. 2017. Pengaruh Kecerdasan Intrapersonal Dan Berpikir Kritis Terhadap Kemampuan Penalaran Matematika. Prosiding Diskusi Panel Nasional Pendidikan Matematika.
- Ibn Kathīr, Abi al-Fidā'Ismā'il al-Dimsyiqī. 1981. *Tafsir al-Qurān al-Azīm lil Imāmī al-khālīl al-hāfiẓ Imad al-Dīn Abi al-Fidā' Ismā'il al-Dimsyiqī*. Beyrouth: Dar al Fikr.
- Jordania, J. 2009. Times to fight and times to relax: Singing and humming at the beginnings of human evolutionary history. *Kadmos* 1: 272–277.
- Jordi de San Eugenio-Vela. 2014. Approaches to the study of individual–Landscape interaction as an evocation of intrapersonal communication. *Journal Corvengencia* 2: 13-38.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khadijah Mohd Kambali @ Hambali, Suraya Sintang, Azmil Zainal Abidin . 2013. Dialog antara agama dalam konteks ilmu perbandingan agama menurut perspektif Islam. *Tashfim: Ikim Journal of Islam and the Contemporary World* 6: 83–12.
- Khadijah Mohd Khambali. 2008. Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran. Dlm. *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*, disunting oleh Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Mohamad Kamil Abd Majid, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, 18-19. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- Lotta Malmirinta. 2017. The Process of Becoming Muslim Analyzing the Post-Conversion Processes of Finnish Muslim Convert Women. Tesis Master University of Helsinki.
- Mangkau, I. D. 2012. Penguasaan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman, Nur Hafliah Musa & Bharuddin Che Pa. 2007. Asas toleransi terhadap kebebasan beragama dari perspektif Islam. Dlm. *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama*, disunting oleh Wan Suhami Wan Abdullah & Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Azul Mohamad Salleh, Ali Salman Mohd Nor, Shahizan Ali & Hasrul Hashim. 2016. Kepentingan ciri kebolehgunaan dalam meningkatkan kepuasan komunikasi dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 32 (1): 519-531.
- Mohd Roslan Mohd Nor dan Nurul Khairiyah Mohd Sa'aid. 2016. Persoalan hijab dalam kalangan wanita Muslim: Satu tinjauan literatur. Dlm. *Wanita Islam Kontemporari: Isu-Isu, Cabaran & Amalan Terbaik*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Mokhtar Ismail. 2011. *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mustafā Ibrāhīm, Ḩabd al-Qādir, Hamid; al-Zayyāt, Ahmad Hasan & al-Najjār, Muhammad ḨAli. 1989. *Al-Muṭjam al-Wasīt*. Juzuk Awal. İstanbul: Maktabat al-Islamiyyah.
- Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir & Jamilah Hj Ahmad. 2015. Facebook dan media massa: Keberkesanan dalam menyampaikan mesej alam sekitar kepada masyarakat. *Akademika* 85(1): 33-46.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. 2008. *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.
- Reno Caesar Olivier Sibarani. 2017. Komunikasi Intrapersonal Dan Perilaku Fobia. *Flow-jurnal.usu.ac.id* 2 (19): 1-10.
- Syed Qutb. 1978. *Fi zilālil al-Qurān*. Beyrouth: Dar al-Syruq.
- Yeni Maulina. 2017. Nilai budaya dalam syair rokan hilir karangan Ahmad Darmawi. *Madah* 6(1): 61-72.
- Yūsuf Qaraḍawi. 1996. *al-'Aql wa al-'Ilmu fi al-Qur'ān al-Karīm*. Cairo: Maktabah Wahbah.

Azarudin Awang (corresponding author)
Academy Contemporary of Islamic Studies
UiTM Terengganu,
23000, Dungun
Terengganu
Malaysia
E-mail: azaru154@tganu.uitm.edu.my

Azman Che Mat
Academy Pengajian Bahasa,
UiTM Terengganu
23000 Dungun
Terengganu
Malaysia
E-mail: azman531@tganu.uitm.edu.my

Wahairi Mahmud
Academy Contemporary of Islamic Studies
UiTM Terengganu,
23000, Dungun
Terengganu
Malaysia
E-mail: wahairi@tganu.uitm.edu.my

Received: 24 Mei 2017
Accepted: 21 September 2018